

Headline	Empat spesies hutan pupus		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	18 Dec 2017	Color	Full Color
Section	Mega	Circulation	171,663
Page No	17	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	532 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 10,515
Frequency	Daily	PR Value	RM 31,544




EMPAT spesies tumbuhan berkayu (*vascular*) telah pupus di negara ini iaitu pokok damar hitam, asam batu dan dua jenis paku pakis.

Itu kenyataan Ketua Pengarah Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), **Datuk Dr. Abd. Latif Mohmod**.

Beliau berkata, kepususan flora di negara ini adalah suatu perkara yang perlu diambil perhatian serius oleh pemegang taruh (*stakeholders*). Intervensi polisi menerusi pendekatan sains amat diperlukan bagi mengurangkan risiko kehilangan terus spesies yang terancam.

"Dalam aktiviti pemeliharaan dan pemuliharaan spesies-spesies flora terancam, FRIM sebagai institusi penyelidikan perhutanan utama menjalankan kajian tersebut dan bekerjasama dengan Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) dalam penubuhan Hutan Bernilai Konservasi Tinggi (HCVF).

"Setakat ini, ada 17 kawasan



Empat spesies hutan pupus

di Semenanjung yang dijadikan HCVF," ujarnya.

FRIM juga bekerjasama dengan Universiti Teknologi Mara (UiTM) Kampus Perak, Universiti Teknologi Petronas (UTP) dan Felda Global Ventures (FGV) bagi memelihara dan memulihara spesies endemik yang terancam kritis seperti keruing padi, cengal pasir daun besar dan rafflesia atau bunga pakma.

FRIM juga terus bekerjasama dengan Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) dan JPSM bagi projek Central Forest Spine (CFS), selain mengukuhkan pangkalan data kepadabagai spesies dan merangka preskripsi pengurusan spesies flora yang terdapat dalam sesuatu HCVF.

Katanya, kampus FRIM sendiri menjadi habitat kepada koleksi *ex-situ* germplasma negara.

Berkongsi lebih lanjut, Abd. Latif berkata, daripada 93 spesies yang tergolong dalam senarai *Plant Red List*, 73 daripadanya dipelihara dan dipulihara di FRIM.

Beliau memberi contoh FRIM menyelamatkan pokok resak dan dipelihara sejak 2004.

Pokok berkenaan dijumpai di Negeri Sembilan dan Selangor.

"Pokok ini nampak sihat dan membesar dengan baik. Kita tanam menggunakan biji benihnya kerana anak pokok ini susah dijumpai," ujarnya.

Pihaknya mendapati kurang daripada 10 pokok resak terdapat di Selangor. Resak atau nama saintifiknya *Vatica yeechonggi* Saw merupakan sejenis kayu yang kuat.

"Siapalah kita tanpa flora dan fauna dan siapakah kita tanpa hutan yang menjadi habitat flora dan fauna?

"Keseimbangan ekosistem dan pengurusan hutan yang lestari lagi mampan adalah terlalu penting bagi sebuah kesejahteraan sejagat," ujarnya.

Dr. Latif berkata, antara strategi yang dilaksanakan oleh FRIM untuk memastikan kesinambungan spesies khususnya flora adalah menerusi peningkatan pengetahuan saintifik dalam pengurusan

dan pembangunan lestari biodiversiti.

Ini meliputi dokumentasi flora, pengawasan penyakit hutan, pemeliharaan sumber genetik dan kesan perubahan iklim terhadap sumber genetik.


Katanya lagi, pengetahuan itu juga meliputi pengurusan dan pemeliharaan lestari sumber-sumber dari hutan termasuk air dan karbon, penghasilan garis panduan pemindahan tanaman dan pewujudan bank asid deoksiribonukleik (DNA) untuk sumber genetik hutan negara serta pemindahan maklumat teknologi kepada pihak berkepentingan.

Menurut beliau lagi, komitmen dan kesungguhan pembuat dasar disokong oleh kajian saintifik adalah sesuatu yang menjadi kementerian pada hari ini.

"Ini bukan setakat memenuhi komitmen antarabangsa mengenai kepelbagaiannya biologi tetapi juga meningkatkan imej negara selain terus meneroka nilai sebenar dalam aspek ekonomi dan menjana kekayaan baharu pada masa hadapan.

"Berbanggalah dengan apa (khazanah) yang kita miliki dan seujarnyalah kita terus pertahan untuk generasi akan datang," ujarnya.

Headline	Empat spesies hutan pupus		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	18 Dec 2017	Color	Full Color
Section	Mega	Circulation	171,663
Page No	17	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	532 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 10,515
Frequency	Daily	PR Value	RM 31,544



DR . ABD LATIF MOHMOD menunjukkan pokok resak yang juga tergolong dalam senarai terancam.